

**TITAH UCPAAN DYMM TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA IBNI TUANKU  
SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL SEMPENA MAJLIS ANUGERAH  
PERKHIDMATAN CEMERLANG KUKUM KE-DUA DI DEWAN SIVIK, ARAU  
PADA 28 APRIL 2004**

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM

DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI MAHA MENGASIHANI.

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH DAN SELAMAT SEJAHTERA.

YANG AMAT BERHORMAT

DATUK SERI SHAHIDAN BIN KASSIM, MENTERI BESAR PERLIS DAN YANG BERBAHAGIA DATIN SERI,

YANG BERHORMAT

DATO' ABDUL AZIB SAAD, SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI PELRIS DAN YANG BERBAHAGIA DATIN,

YANG BERHORMAT

PENASIHAT UNDANG-UNDANG KERAJAAN NEGERI PELRIS DAN YANG BERBAHAGIA ISTERI,

YANG BERHORMAT

PEGAWAI KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PELRIS DAN YANG BERBAHAGIA ISTERI,

YANG BERHORMAT

DATUK-DATUK DAN DATIN-DATIN

DIF-DIF KEHORMAT,

YANG BERBAHAGIA

LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN, REKTOR KUKUM DAN  
YANG BERBAHAGIA ISTERI,

PEGAWAI-PEGAWAI UTAMA KUKUM,

KETUA-KETUA JABATAN, DEKAN-DEKAN,

WAKIL-WAKIL MEDIA YANG DIHORMATI,

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN.

SYUKUR ALHAMDULILLAH BETA UCAPKAN KE HADRAT ALLAH S.W.T. DI ATAS LIMPAH KURNIA-NYA PADA MALAM YANG MULIAINI DAPAT KITA SEKALI LAGI BERKUMPUL BERSAMA-SAMA. BETA INGIN MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA YANG BERBAHAGIA LT. KOL. PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN DAN PIHAK URUSETIA KERANA MENJEMPUT BETA DAN DYT RAJA PUAN MUDA KE MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG KUKUM BUAT KALI KEDUAINI.

SESUNGGUHNYA BETA BERASA AMAT BANGGA DAPAT BERSAMA-SAMA WARGA KERJA KUKUM PADA MALAMINI BAGI MEMBERI ANUGERAH KEPADA MEREKA-MEREKA YANG CEMERLANG DALAM PERKHIDMATAN SEPANJANG TAHUN 2003. SEBAGAI TUANKU CANSELOR UNIVERSITIINI BETA AMAT BERHARAP ANDA SEMUA DAPAT MENERUSKAN USAHA SERTA PERJUANGAN DALAM MEMBANGUNKAN KUKUM.

PERJALANAN KITA MASIH JAUH. DALAM MENGISI PERJALANAN MENUJU KEJAYAAN KITA HARUS SENTIASA PEKA KEPADA PERMASALAHAN SEKITAR KITA. JANGAN CEPAT MELATAH DAN TERLALU EMOSIONAL

DALAM MEMBUAT SEBARANG KEPUTUSAN JIKA DITIMPA MUSIBAH. TEGUHKAN IMAN DAN BERFIKIRLAH SEJENAK KERANA SABDA NABI MUHAMMAD S.A.W. YANG BERMAKSUD:

***“BERFIKIR SESAAIT ITU LEBIH BAIK DARI SEMBAHYANG SUNAT 1000 RAKAAT”***

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

BETA SEDAR SEBAGAI SEBUAH UNIVERSITI YANG MASIH BARU, SUDAH TENTU BANYAK KEKURANGAN DI SANA-SINI. PUN BEGITU JANGAN SEKALI-KALI BERFIKIR KITA INI MASIH MUDA DAN MEMBIARKAN ORANG LAIN MEMPERLEKEH-LEKEHKAN KITA. BETA MAHU SETIAP WARGA KERJA KUKUM MERASA BANGGA BEKERJA DI UNIVERSITI INI DAN BERSIKAP POSITIF SETIAP MASA.

BUKTIKAN ANDA JUGA MAMPU MENJADI YANG CEMERLANG, GEMILANG DAN TERBILANG SEPERTI MANA YANG DISARANKAN OLEH PERDANA MENTERI KITA, DATUK SERI ABDULLAH AHMAD BADAWI. TIDAK ADA YANG MUSTAHIL JIKA KITA BERADA DI LANDASAN YANG BETUL DAN SENTIASA MENGINGATI SIAPA DIRI KITA DAN TANGGUNGJAWAB KITA KEPADA AGAMA, BANGSA DAN TANAHAIR.

BETA AKAN SENTIASA MENGIKUTI PERKEMBANGAN KUKUM DARI MASA KE SEMASA. BETA JUGA AKAN SENTIASA MEMBERI SOKONGAN KEPADA SEGALA AKTIVITI YANG DIJALANKAN DI KUKUM DEMI KEMAJUAN DAN PEMBANGUNANNYA.

DIKESEMPATAN INI JUGA BETA INGIN MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA KONTIGEN SUKAN KUKUM YANG BARU SAJA HABIS BERJUANG DI KEJOHANAN SUKAN STAF ANTARA UNIVERSITI MALAYSIA KE-29 DI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA, (UKM) BANGI, SELANGOR BARU-

BARU INI. WALAUPUN TIDAK MEMENANGI SEBARANG PINGAT TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEMUA ADALAH PEMENANG TERSENDIRI DALAM SEJARAH PENCAPAIAN PERIBADI. TAHNIAH SEKALI LEPADA MEREKA YANG MENGAMBIL BAHAGIAN DI KEJOHANAN TERSEBUT.

AKHIR KATA DENGAN LAFAZ BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM BETA MERASMIKAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG KOLEJ UNIVERISITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA KALI KE-DUA PADA MALAM INI. BETA SUDAHI DENGAN UCAPAN WABILLAHITEAUFIK WALHIDAYAH                  WASSALAMUALAIKUM                  WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.